

B568:
MAHATHIR-ASEAN
(E)

1981

KUALA LUMPUR, 18 NOV. (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMEGASKAN HARI INI ASEAN PENUH YAKIN KEKUATAN DAN KESTABILAN SESEBUAH NEGARA BERGANTUNG LEBIH DARIPADA KEUPAYAANNYA UNTUK MEMPERHEDATKAN PEMBANGUNAN EKONOMI DARI ANGKATAN TENTERANYA.

KATANYA, YANG PENTING JALAH MEMBERIKAN TARAF HIDUP YANG LEBIH BAIK KEPADA RAKYAT JELATA.

BERUCAP KEPADA LEBIH 200 ORANG AHLI PERNIAGAAN DAN PENGUSAHA BANK DI PERSIDANGAN EKONOMI ASEAN-AMERIKA SYARIKAT DI SINI, PERDANA MENTERI BERKATA PADA MASA INI PENAKLUKAN TIDAK LAGI MENJADI SATU AMALAN.

BELIAU MENYATAKAN NEGARA-NEGARA MASIH TERTAKLUK KEPADA BENCANA DALAM NEGERI DAN NEGARA-NEGARA ASEAN MEMANG SEDAR TENTANG PERLUNYA DIHAPUSKAN PUNCA-PUNCA BENCANA SEUMPAMA ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DASAR-DASAR EKONOMI DAN USAHA PEMBANGUNAN ASEAN ADALAH BERTUJUAN MEMBERIKAN SUMBANGAN TERHADAP KESTABILAN POLITIK.

— BERSAMBUNG 1740/AZ

MAHATHIR-ASEAN 2 KUALA LUMPUR

MENURUTNYA JIKA KERAJAAN-KERAJAAN ASEAN MENGENAKAN SYARAT TERTENTU KE ATAS PARA PELABUR ASING, IA BUKANLAH DIDORONG OLEH PERASAAN SAKIT HATI AKAN KEUNTUNGAN MEREKA TETAPI DISEBABKAN PERLUNYA DISEMBANGKAN KEPENTINGAN EKONOMI LUAR NEGERI DENGAN ASPIRASI NEGARA.

KATANYA: +DALAM JANGKA PANJANG, KESTABILAN POLITIK YANG KAMI CAPAI ADALAH UNTUK ANDA SEMUA YANG LEBIH BERMAKNA DARI SEGI PERDAGANGAN DARIPADA KEUNTUNGAN JANGKA PENDEK YANG MUNGKIN ANDA PEROLEHI.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEJAK PENUBUHANNYA, ASEAN BELUM PERNAH MEMBUAT SEBARANG PERUBAHAN MENDADAK TERHADAP ARAH HALUAN YANG DITETAPKAN KERANA PARA PELABUR MENGHARGAI KEADAAN YANG BOLEH DIRAMALKAN.

+SEBAGAI CONTOH, KAMI TIDAK MEMILIKNEGARAKAN SESUATU. NAMUN DEMIKIAN, SEKIRANYA ANDA MENJUAL SAHAM DI PASARAN, KAMI MUNGKIN MEMBELINYA WALAUPUN HINGGA KE PERINGKAT MENGUASAI SESEBUAH SYARIKAT.

+TETAPI LANGKAH INI BUKANNYA TINDAKAN MEMILIKNEGARAKAN SESUATU WALAUPUN ADA SETENGAH-SETENGAH PIHAK YANG CUBA BERANGGAPAN DEMIKIAN,+ JELAS BELIAU.

— BERSAMBUNG 1743/AZ

B582:

MAHATHIR-ASEAN 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA ASEAN YAKIN MATLAMAT MEWUJUDKAN PERTUMBUHAN EKONOMI YANG STABIL BOLEH DICAPAI DENGAN BAIK DALAM KEADAAN EKONOMI BEBAS.

MENURUTNYA, KERAJAAN-KERAJAAN ASEAN MENGGALAKKAN SEKTOR SWASTA MEMPEROLEHI KEUNTUNGAN YANG LEBIH MELALUI DAYA PENGELUARAN YANG LEBIH TINGGI DAN SEBAGAI BALASANNYA PIHAK PELABUR DAN PENGUASAH DIHARAPKAN AKAN MENJADI PIHAK YANG BERTANGGUNGJAWAB.

MENGENAI SUSUNAN BARU EKONOMI ANTARABANGSA, DATUK SERI DR. MAHATHIR KESAL KERANA BELUM ADA KEJAYAAN BESAR DICAPAI KE ARAH MATLAMAT ITU.

BELIAU BERHARAP SATU DIALOG YANG BENAR-BENAR JUJUR AKAN DIADAKAN MENGENAI PERKARA ITU BERDASARKAN AKAN YANG TEGAS BAGI MENYELESAIKAN SEMUA ISU DAN MASALAH.

PERDANA MENTERI MEMEGASKAN BAHAWA ASEAN MERASA KECIWA DENGAN KEMAJUAN LEMBAB DI KALANGAN NEGARA-NEGARA PERINDUSTRIAN UTAMA DALAM USAHA MEMBENTERAS KEMELESETAN EKONOMI DAN INFLASI. — BERSAMBUNG 1746/AZ

B584:

MAHATHIR-ASEAN 4 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA KECUALI JEPUN, LAIN-LAIN NEGARA PERINDUSTRIAN NAMPAKNYA MENGHADAPI MASALAH KADAR PINJAMAN YANG TINGGI, HARGA PENGGUNA DAN GAJI LEBIH TINGGI, KEKURANGAN PELABURAN, DAYA PENGELUARAN YANG RENDAH ATAU TIDAK LANGSUNG MENCAPAI PERTUMBUHAN.

DI SAMPING ITU, KEMELESETAN EKONOMI MEREKA TELAH MENDATANAKAN KESAN BURUK KE ATAS NEGARA-NEGARA MEMBANGUN TERUTAMA INFLASI YANG DIIMPORT.

MENURUT PERDANA MENTERI, ADALAH MEMBANGGAKAN BAHAWA ASEAN TELAH DAPAT MENGEKALKAN KADAR PERTUMBUHAN YANG AGAK TINGGI DARI SEGI SEBENAR DALAM TEMPOH TERSEBUT.

KATANYA KEADAAN MEMBERANGSKAN INI ADALAH DISEBABKAN OLEH BEBERAPA FAKTOR TERMASUK PENGURUSAN YANG BAIK DAN DASAR-DASAR YANG DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN-KERAJAAN ASEAN. -- BERSAMBUNG 1758/AI

B606:

MAHATHIR-ASEAN 5 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU PARA PESERTA TERSEBUT BAHAWA NEGARA-NEGARA ASEAN MEMPUYAI SUMBER YANG BANYAK.

RANTAU ITU KINI MEMBEKALKAN 91 PERATUS DARIPADA KEPERLUAN GETAH ASLI DUNIA, 87 PERATUS BIJAH TIMAH, 88 PERATUS MINYAK SAWIT, 73 PERATUS KELAPA KERING DAN 62 PERATUS KAYUKERAS TROPIKA DI SAMPING PETROLEUM, TEMBAGA, ABAKA DAN KOKO.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA SUMBER-SUMBER ITU ADALAH UNTUK SELURUH DUNIA TETAPI KETIKA PERANG PENAKLUKAN KINI TIDAK LAGI PERLU BAGI MENDAPATKANNYA, AMALAN KOMERSYIAL YANG BAIK MASIH LAGI BERGUNA.

MENGENAI MALAYSIA YANG DISIFATKANNYA SEBAGAI NEGARA ANGGOTA ASEAN YANG PALING KURANG DIKENALI, PERDANA MENTERI BERKATA PERATURAN TERTENTU TELAH DIRUMUS BAGI MENENTUKAN SUPAYA DALAM PADA PARA PELABUR ASING TIDAK DINAFIKAN KEUNTUNGAN MEREKA, MALAYSIA DAN RAKYATNYA AKAN MENEMUKAN FAEDAH SEPENUHNYA DARI RANCANGAN PERINDUSTRIANNYA.

BELIAU BERKATA LANGKAH TERBARU IALAH MENTEROKA INDUSTRI-INDUSTRI BERAT DAN TEKNOLOGI TINGGI DAN DENGAN HANYA SERBA SEDIKIT KEMAHIRAN RAKYAT TEMPATAN, PENYERTAAN ASING AMATLAH DIALU-ALUKAN DALAM BIDANG TERSEBUT. -- BERSAMBUNG 1844/AI

B608:

MAHATHIR-ASEAN 6 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERHARAP PARA PESERTA DARI AMERIKA AKAN MENGAMBIL KESEMPATAN UNTUK MEMAHAMI DENGAN LEBIH DEKAT RANTAU ASEAN DAN Mencari JALAN BAGI MEWUJUDKAN KERJASAMA YANG LEBIH ERAT DENGAN RAKAN-RAKAN ASEAN MEREKA.

+JIKA ANDA SEMUA BOLEH BERBUAT DEMIKIAN, ANDA AKAN MENCAPAI KEJAYAAN YANG LEBIH BESAR DI BIDANG KERJASAMA UTARA-SELATAN DAN DALAM USAHA MEWUJUDKAN SUSUNAN BARU EKONOMI ANTARABANGSA DARIPADA MESYUARAT-MESYUARAT LAIN YANG DIBERI PABLISITI YANG MELUAS. + TAMBAHNYA. -- BERNAMA 1846/AI